

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(X)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH  
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

3. Berapakah jumlah saman atau bentuk tindakan yang diambil kepada individu dan kedai yang tidak boleh beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri sememangnya mengenakan langkah yang ketat bagi menangani penularan virus COVID-19 selepas Kerajaan Persekutuan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 yang lalu sehingga wabak ini dapat diatasi dengan baik.

PDRM melalui Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik telah mengeluarkan 4,881 saman sehingga 31 Mac 2020 bagi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pecahan adalah seperti berikut:

**STATISTIK SAMAN YANG TELAH DIKELUARKAN OLEH  
PDRM DARI 18 MAC HINGGA 31 MAC 2020**

<b>JENIS SAMAN</b>	<b>SAMAN BIASA</b>	<b>MCOPS (Mobile Compound Online Payment System)</b>	<b>SPEEDING</b>	<b>JUMLAH</b>
POL 170A	26	261	3,481	3,769
POL 257	377	736	-	1,113
<b>JUMLAH</b>	<b>403</b>	<b>997</b>	<b>3,481</b>	<b>4,882</b>

Selain itu Kerajaan Negeri juga melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil tindakan terhadap individu dan kedai yang tidak boleh beroperasi sehingga 31 Mac 2020 adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>JUMLAH</b>
1	AMARAN LISAN	215
2	KOMPAUN / NOTIS	59
3	SITAAN	12